



مجلس دأیره براء MAJLIS DAERAH BERA

28200 BANDAR BERA, PAHANG DARUL MAKMUR

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Pahang (keutamaan kepada warga daerah Bera) yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut :-

(C)

1. a) JAWATAN & GRED : **PEGAWAI TADBIR GRED N41 (UNDANG-UNDANG)**
- b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN (N)
2. JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM : Minimum : GRED N41 : RM2,080.00
Maksimum : GRED N41 : RM9,546.00
 - a) KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM225.00
 - b) i. IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM (ITKA) : RM300.00
 - ii. IMBUHAN TETAP PERUMAHAN (ITP) : RM300.00
 - iii. BANTUAN SARA HIDUP (COLA) : RM150.00
3. SYARAT LANTIKAN
 - 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau; [Gaji Permulaan : RM2,080.00]
 - d) Ijazah Sarjana Muda Keupujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau; [Gaji Permulaan : RM2,283.43]

e) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan : Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau setaraf dengannya atau lulus peperiksaan akhir peguam (Bar Final Examination)
[Gaji permulaan : RM2,418.00]

3.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. PENINGKATAN SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan yang melayakkan adalah layak dipertimbangkan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

a) i. Mempunyai kelayakan di perenggan 3.1 (c) atau (d) ;
atau

ii. Lulus Peperiksaan Khas ; dan

b) Had umur perlantikan :

i. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

ii. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau

iii. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. DESKRIPSI TUGAS : Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal yang berkaitannya.

6. a) TARAF JAWATAN : TETAP

b) KEKOSONGAN JAWATAN : SATU (1)

CARA PERMOHONAN

- i) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan MD. BERA 1 Pindaan 3/2017 dengan harga RM 1.00 setiap borang yang boleh didapati dengan cara datang sendiri. Sila kemukakan permohonan kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BERA
28200 BANDAR BERA
PAHANG DARUL MAKMUR**

- ii) Permohonan daripada pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Kuasa-Kuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A 21'. Permohonan hendaklah dikemukakan bersama Kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 2020 (termasuk kakitangan kontrak).
- iii) Permohonan berikut **akan ditolak** jika :
- a) Tidak lengkap, tidak disertakan dengan salinan mykad, gambar dan tidak menyertakan salinan sijil-sijil yang disahkan;
 - b) Tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan ; dan
 - c) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat (termasuk kakitangan kontrak).

TARIKH TUTUP IKLAN

Borang yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat dan dicatat nama jawatan yang dipohon. Borang yang lengkap mestilah dihantar sebelum atau pada **06 April 2021 (Selasa)** di Ruang Legar , Pejabat Majlis Daerah Bera.

CATATAN

- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga;
- ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

PERHATIAN KEPADA SEMUA PEMOHON

“ Tawaran pelantikan tuan / puan ini tertakluk kepada apa-apa semakan oleh Kerajaan kepada terma dan syarat perkhidmatan dari semasa ke semasa ”